

23/10/2004

Ku Li sangkal dakwaan amal politik wang

GUA MUSANG: Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah menyangkal dakwaan Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau menggunakan politik wang ketika bertanding jawatan Presiden Umno pada 1987.

Katanya, jika menggunakan wang untuk mempengaruhi perwakilan ketika itu, sudah tentu beliau memperoleh kemenangan mudah pada pemilihan berkenaan.

Beliau berkata, walaupun politik wang sesuatu yang buruk, ia tidak seburuk penipuan pada pemilihan 1987 kerana keadaan itu boleh membawa kepada kemusnahan bukan saja parti, malah negara.

"Saya sebenarnya tidak nak ungkit perkara ini dan tidak nak ulaslah. Ia sudah lama berlalu dan Tuhan pun tahu siapa sebenarnya main politik wang ketika pemilihan pucuk pimpinan parti 1987.

"Tidak kisahlah perkara yang sudah berlalu itu. Tinggal lagi bagi saya, siapa saja main politik wang adalah amalan tidak baik dan boleh memburukkan keadaan serta parti boleh hancur," katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa bersama Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Gua Musang, di Bukit Chekati, di sini kelmarin.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir dalam akhbar The Star yang menyebut Tengku Razaleigh pernah bermain politik wang ketika menentang beliau bagi merebut jawatan presiden pada pemilihan parti 1987.

Mahathir berkata, politik wang memang amalan paling buruk dalam parti kerana ia membawa pemusnahan kepada perjuangan tulen orang Melayu, tetapi perkara itu masih menjadi isu hangat hingga sekarang.

Tengku Razaleigh berkata, beliau sependapat dengan Dr Mahathir bahawa politik wang boleh merosakkan imej serta nama baik parti jika diamalkan oleh ahli parti sekarang dan akan datang.

(END)